

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 June 2015

Bersama jaga imej negara – Najib

PEKAN 20 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan rakyat supaya tidak memburuk-burukkan imej negara kerana tindakan itu hanya akan menjejaskan keyakinan negara luar terhadap Malaysia.

Perdana Menteri berkata, imej negara perlu dipertahankan demi memberikan persepsi yang baik kepada Malaysia.

“Persepsi yang baik terhadap negara akan memberi manfaat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi dan teknologi.

“Inilah yang kita mahu dan perlu kita lakukan. Kita kena sama-sama mempertahankan imej negara, bukannya merosakkan atau mencaricarikkan imej yang kita sedia miliki,” katanya pada Majlis Pengagihan Kurma, Air Zam-zam dan Kain Baju Melayu Ke Masjid dan Surau-surau Seluruh Parlimen Pekan di Masjid Jamek Batu 8, Jalan Gambang di sini malam ini.

Yang turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Pada majlis itu, Najib dan Rosmah menyampaikan sumbangan kepada 58 masjid dan surau di kawasan Parlimen Pekan.

Najib berkata, kerajaan komited

untuk terus memenuhi keperluan rakyat bagi memastikan kesejahteraan dapat dinikmati.

“Antara yang menjadi perhatian utama kita ialah pembinaan masjid baharu kerana usaha ini boleh menjadi tempat semua urusan dilakukan dengan lebih sempurna,” ujar beliau.

Terdahulu, dalam majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan di Masjid Taman LKNP di sini, Perdana Menteri menasihatkan umat Islam supaya bersyukur dengan nikmat dikurniakan Allah SWT yang tidak dinikmati umat lain di dunia ini.

Beliau berkata, umat Islam begitu bertuah dengan nikmat dikurniakan itu, antara yang paling besar adalah Islam dan keimanan terhadap Allah.

“Selain itu, Allah SWT turut memberikan nikmat keamanan dan keselamatan kepada kita. Kita lihat etnik Rohingya sanggup bergadai nyawa untuk datang ke Malaysia.

“Apabila sampai di Malaysia, mereka cium tanah negara ini, seolah-olah tanah ini syurga kepada mereka. Apabila orang luar sujud, cium tanah Malaysia ini tandanya bertuahnya negara ini pada mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Najib meluang-

Um - 21/6/2015

Waktu Solat						
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya						
5.42	7.05	1.17	4.43	7.27	8.42	
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya						
5.43	7.06	1.22	4.49	7.34	8.51	
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya						
5.37	7.01	1.12	4.38	7.20	8.35	
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya						
5.37	7.00	1.09	4.34	7.15	8.30	
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya						
5.12	6.31	12.44	4.09	6.50	8.05	

kan masa kira-kira 30 minit mengunjungi bazar Ramadan di bandar Pekan di sini.

Beliau yang tiba di bazar itu pada pukul 5.30 petang kelihatan membeli beberapa juadah berbuka puasa seperti apam balik, kuih-muih dan minuman.

Selepas berbuka puasa, Perdana Menteri bersama isteri kemudian menunaikan solat Isyak dan solat sunat tarawih di Masjid Jamek Batu 8, Jalan Gambang di sini.